





AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

ly  HarianMetro  @hmetromy  www.hmetro.com.my 

lokal

Kluster baharu di pusat jagaan warga emas

Kuala Lumpur: Kluster baharu Covid-19 dikesan di pusat jagaan warga emas di Kuala Selangor membabitkan lima kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes jangkitan itu membabitkan warga emas di pusat jagaan dengan pertambahan satu lagi kes baharu, semalam.

Menurutnya, dua kes dikesan pada 17 Mei lalu hasil daripada saringan dilakukan terhadap semua penghuni pusat jagaan berkenaan.

"Dua belas kakitangan dan 26 penghuni lain juga sudah disaring pada 17 Mei lalu dan keputusan mereka adalah negatif.

"Selepas sebulan, saringan dijalankan terhadap seorang penghuni yang mempunyai jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) di Hospital Tanjung Karang mendapati dia positif Covid-19," katanya pada si-



Selepas sebulan, saringan dijalankan terhadap seorang penghuni yang mempunyai SARI di Hospital Tanjung Karang mendapati dia positif Covid-19"

Dr Noor Hisham

dang media harian di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, warga emas itu didapati negatif ketika ujian saringan pertama dijalankan pada 17 Mei lalu.

"Pengesanan aktif kini sedang dijalankan, langkah pencegahan turut diambil termasuk nyahkuaman dan nyahcemar di pusat jagaan berkenaan," katanya.